

1076

## **PANDANGAN PENSYARAH DAN PELAJAR MENGENAI PENGARUH KAEDAH PENGAJARAN TERHADAP PENGUASAAN KEMAHIRAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PSMBA DI IPTA MALAYSIA**

Khairatul Akmar Ab Latif  
*khairatulakmar@kuis.edu.my*  
Ahmad Redzaudin Ghazali  
Mohd Rofian Ismail

Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan mengenal pasti pandangan para pensyarah mengenai pengaruh corak pengajaran ( طرق التدريس) bahasa Arab bagi Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Kajian dijalankan ke atas 37 orang pensyarah dan 150 orang pelajar yang terlibat dalam Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan daripada lima buah IPTA yang menawarkan PSMBA. IPTA yang terlibat iaitu UKM, UPM, UM, UIAM dan USIM. Kajian tinjauan dijalankan dengan menggunakan soal selidik. Data-data dihuraikan menggunakan statistik deskriptif peratusan menggunakan perisian SPSS versi 21. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan ( $t=-2.254$ ,  $p=0.030$ ) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari segi faktor luaran (kaedah pengajaran kurikulum) iaitu kaedah pengajaran yang digunakan meningkatkan minat pelajar terhadap program. Melihat kepada nilai min peratusan antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pensyarah lebih bersetuju (min =76.756) dan percaya bahawa kaedah pengajaran yang digunakan meningkatkan minat pelajar terhadap program berbanding dengan pandangan pelajar mereka sendiri (min =71.34). Demikian juga terdapat perbezaan signifikan ( $t=-2.377$ ,  $p=0.023$ ) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari segi faktor luaran (kaedah pengajaran kurikulum) iaitu kaedah pengajaran kurikulum yang digunakan bersesuaian dengan kandungan dan objektif kurikulum yang hendak dicapai. Melihat kepada nilai min peratusan antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pensyarah lebih bersetuju (min=77.70) dan percaya bahawa kaedah pengajaran kurikulum yang digunakan bersesuaian dengan kandungan dan objektif kurikulum yang hendak dicapai berbanding dengan pandangan pelajar mereka sendiri (min =71.02). Beberapa cadangan turut dikemukakan bagi penambahbaikan dalam kaedah pengajaran kurikulum PSMBA antaranya penekanan kaedah pengajaran mestilah selari dengan selari dengan perkembangan semasa dengan menggunakan alat bantu mengajar yang dapat membantu kefahaman pelajar serta menggunakan bahasa Arab penuh di dalam pengajaran. Dengan kerjasama daripada kedua-dua belah pihak dapat memastikan objektif pembelajaran para pelajar tercapai demi meningkatkan kemahiran berbahasa di samping menguasai ilmu-ilmu asas bahasa Arab dalam kurikulum program bahasa Arab di peringkat Sarjana Muda.*

*Kata kunci: kaedah pengajaran, Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).*

### **1. PENDAHULUAN**

Penguasaan yang baik dalam kemahiran berbahasa dan ilmu-ilmu bahasa Arab sangat penting bagi pelajar yang mengikuti program pengkhususan bahasa Arab di IPTA. Ini kerana pelajar menghabiskan tempoh masa yang lama iaitu hampir empat hingga lima tahun untuk menyempurnakan pengajian mereka sehingga akhirnya dianugerahkan sekeping sijil menandakan keupaya mereka yang khusus dalam bahasa Arab. Dengan sijil ini juga pelajar

berpeluang untuk melangkah lebih jauh ke hadapan bersesuaian dengan kemahiran yang mereka miliki.

Hasrat dalam mencapai penguasaan yang baik di dalam bidang bahasa Arab turut dibantu oleh kaedah pengajaran yang betul daripada kalangan pensyarah. Metodologi pengajaran merupakan wadah penyampaian sukatan pelajaran yang telah di atur sebelumnya oleh para penggubal silibus pembelajaran. Ia sudah tentu pasti bertujuan mencapai matlamat pembelajaran yang telah dirancang awal terlebih dahulu demi memastikan segala perancangan dalam pencapaian-pencapaian baik para pelajar dapat direalisasikan sebagaimana yang telah dirancang.

Terdapat beberapa pentakrifan yang dibuat berkaitan dengan kaedah pengajaran. Antaranya yang dibuat oleh Tu'aimah (1996) iaitu himpunan cara atau kaedah yang bertujuan menyampaikan maklumat dan pengalaman kepada pelajar demi tercapai matlamat yang telah digariskan. Kaedah pengajaran merupakan cara atau perancangan yang diatur oleh guru sebelum memasuki kelas dan dilaksanakannya semasa sesi pengajaran (Al-Naqah 1978). Ini disokong oleh Zafir (1984) yang mengatakan kaedah pengajaran adalah meliputi empat perkara. Perkara pertama iaitu digunakan oleh guru semasa sesi pembelajaran berlaku. Perkara lainnya iaitu bertujuan untuk merealisasikan matlamat yang dibentuk, melalui cara yang mudah difahami dan dalam lingkungan masa yang singkat.

a. Asas pemilihan kaedah pengajaran

Terdapat tiga faktor yang menjadi keutamaan para guru dalam menyampaikan pengajaran. Faktor pertama iaitu dengan memberi perhatian kepada kumpulan sasaran (مجتمع اللغة). Faktor kedua dan ketiga iaitu tahap pelajar (مستوى الدارسين) dan tahap penguasaan mereka dalam bahasa Arab (مستوى اللغة) (Samak 1979). Memberi perhatian kepada kumpulan sasaran bermaksud peka dengan keadaan kumpulan sasaran. Pemerhatian tersebut merangkumi berbilang pelajar. Pelajar boleh dari kumpulan lama atau baru dalam mempelajari bahasa Arab, pelajar dari semua tahap ekonomi dan asal pelajar (kampung atau bandar).

Semua faktor tadi sebenarnya mampu mempengaruhi corak kaedah pengajaran guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran. Kepelbagaian kaedah pengajaran dapat mempengaruhi kemampuan pelajar dalam menyerap pengajaran. Mengutamakan tahap pelajar dan tahap penguasaan mereka dalam bahasa Arab bermaksud menjaga tahap kebolehan mereka. Ini kerana kebolehan pelajar dalam menguasai bahasa adalah berbeza. Faktor-faktor tersebut memberi impak yang besar pada pemilihan dan kejayaan kaedah pengajaran. Al-Kalub (1987) pula menambah dua faktor lain yang mempengaruhi asas pemilihan kaedah pengajaran iaitu matlamat pengajian bahasa (أهداف تدريس اللغة) dan penggunaan alat bantu mengajar (الأدوات المساعدة للتدريس).

Faktor persekitaran (البيئة المصاحبة) juga turut memainkan peranan penting dalam pemilihan kaedah pengajaran yang berkesan (As-Shahatah 1993). Mengutamakan matlamat pengajian bahasa bermaksud menjaga dan menyusun kaedah pengajaran yang diguna pakai dalam masa yang terbatas. Ini bertujuan agar ia tidak tersasar dari matlamat kurikulum yang sebenar. Di samping itu, penggunaan alat bantu mengajar amat penting semasa pelaksanaan sesi pengajaran berlaku. Ia dapat membantu mempertingkatkan kefahaman pelajar dalam memahami sukatan mata pelajaran yang dipelajari.

b. Contoh-contoh kaedah pengajaran bahasa Arab

Terdapat beberapa kaedah pengajaran yang telah disarankan oleh pakar-pakar bahasa Arab. Ini disebabkan bahasa Arab terbahagi kepada dua iaitu ilmu berkaitan dengan kemahiran berbahasa dan ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab itu sendiri. Kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis. Walau bagaimanapun kedua-dua ilmu sebenarnya dilaksanakan bersamaan dan setiap satu saling menyokong antara satu sama lain (Al-Khuli. 1986).

Contoh perkaitan antara dua ilmu tersebut seperti pengajaran subjek nahu Arab (sintaksis). Untuk mengajar subjek ini, guru perlu menggunakan keempat-empat kemahiran berbahasa dalam proses mengajar pelajar-pelajar mereka tentang nahu Arab. Ini bermakna seorang guru itu mesti menguasai kemahiran berbahasa (تدريس اللغة) dan ilmu bahasa Arab (تدريس علوم اللغة) dalam masa yang sama semasa pengajaran berlaku. Antara kaedah-kaedah yang sering diguna pakai dalam pengajaran bahasa ialah kaedah syarahan (طريقة الإلقاء), perbincangan (طريقة المناقشة), aktiviti luar (طريقة النشاط الخارجي), audiovisual (طريقة السمعية البصرية), analisis (طريقة التحليلية), campuran (طريقة التوليفية), hafalan (طريقة الحفظ) dan penyelesaian masalah (طريقة حل المشكلات).

c. Keberkesanan kaedah pengajaran

Keberkesanan kaedah pengajaran adalah berkaitan dengan kefahaman, kemahiran dan kemampuan pelajar menyerap ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diajar oleh guru (Al-Rakabi 1989). Guru pun sebaiknya memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan keadaan persekitaran pembelajaran. Keberkesanan kaedah pengajaran juga dikaitkan dengan pencapaian matlamat yang dirancang melalui kaedah pengajaran yang dilaksanakan (Al-Rawi 1991).

Pencapaian matlamat pengajian melalui sukatan yang dirancang adalah dua unsur penting dalam mengukur kefahaman pelajar. Tindak balas pelajar semasa atau selepas sesi pengajian menjadi kayu ukur tahap kefahaman mereka terhadap sukatan yang dibentuk. Ia juga menjadi kayu ukur kejayaan dalam mencapai matlamat yang dirancang ('Atha 1985).

Pencapaian akademik pelajar juga dipengaruhi oleh kaedah pengajaran pensyarah. Menurut Dr. Shed Hussein Al-Atas (Utusan Online 2005) menyatakan bahawa pensyarah hanya memberi kuliah tetapi tidak kisah apa yang berlaku selepas itu. Mereka juga tidak mempunyai hubungan erat dengan pelajar semisal hubungan selepas pengajaran selesai. Jika pensyarah tiada minat untuk membina budaya ilmu, maka pengaruh itu akan turun kepada pelajar. Strategi pengajaran dewasa ini disarankan supaya berpusatkan pelajar. Ini dikukuhkan oleh Ee Ah Meng (1991) yang menyatakan di antara ciri-ciri pengajaran yang berkesan iaitu pengajaran memusat kepada pelajar, penggunaan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran.

Menurut Esah Sulaiman (2002), untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan, pensyarah perlu mengaplikasikan kaedah dan teknik pengajaran yang berpusatkan pelajar. Ini bermakna, kaedah dan teknik pengajaran yang diaplikasikan adalah melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran. Ini selaras dengan Rashidi dan Abdul Razak (1996). Mereka mengemukakan bahawa pelajar seharusnya diselia supaya potensi mereka dapat dikembangkan secara maksimum. Oleh itu, pensyarah hendaklah memilih strategi pengajaran berdasarkan pertimbangan terhadap teori pembelajaran, pendekatan kaedah dan teknik mengajar (Mok Soon Sang 2000).

Pensyarah juga harus bijak menggunakan kaedah atau teknik penyampaian yang sesuai (Robiah Sidin 1998). Kaedah atau teknik yang sesuai iaitu mengikut objektif pengajaran dan meninggalkan impak yang berpanjangan ke atas pemahaman dan motivasi belajar pelajar. Proses pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran pensyarah memadankan kaedah pengajaran dengan objektif pembelajaran dan gaya pembelajaran pelajar (Shahabudin Hashim et al. 2003). Pendapat ini disokong oleh David (1981). Beliau menyatakan bahawa pensyarah hendaklah mempunyai pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang boleh digunakan dalam situasi yang berbeza dan pelajar yang berbeza.

Kaedah pengajaran juga harus dikemas kini dan dijalankan secara amalan teori dengan praktik (Robiah Sidin 1998). Demonstrasi dan latihan amali yang ditunjukkan membolehkan pelajar mempelajari atau mengamati sendiri perlakuan pensyarah secara sistematik. Penerangan dari pensyarah amat penting untuk menyampaikan isi kandungan, konsep-konsep asas dan mempercepatkan lagi penguasaan pelajar. Oleh yang demikian, Scott et al. (1987) menyatakan bahawa strategi pengajaran pensyarah hendaklah berubah. Pensyarah jangan hanya memberi nota. Mereka patut merubah syarahan kepada aktiviti-aktiviti seperti kerja amali, perbincangan dan soal selidik.

## **2. PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini ingin menjelaskan lagi pandangan para pensyarah berkaitan dengan pengaruh sukatan pembelajaran kepada pelajar yang terdapat dalam PSMBA. Tumpuan kajian ini dapat dilihat dalam beberapa persoalan kajian yang telah digariskan iaitu:

1. Apakah pendapat para pensyarah dan pelajar tentang kaedah pengajaran PSMBA.
2. Apakah peratusan tertinggi tentang kaedah pengajaran yang dicapai dalam PSMBA.
3. Apakah peratusan terendah tentang kaedah pengajaran yang dicapai dalam PSMBA.
4. Apakah cadangan ke arah penambahbaikan kaedah pengajaran terhadap PSMBA.

## **3. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kajian deskriptif yang melibatkan nilai peratusan serta hubungan kolerasi antara data yang diperolehi yang keluar dalam penggunaan perisian SPSS versi 21. Para responden terdiri daripada para pensyarah yang mengajar serta pelajar PSMBA di tahun akhir pengajian di 5 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia yang menawarkan program bahasa Arab iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putera Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Data-data diperolehi melalui kaedah kajian lapangan yang melibatkan pengedaran set soalan soal selidik kepada para responden terbabit seramai 37 orang pensyarah serta 150 orang pelajar yang dikumpul daripada lima universiti yang terlibat.

## **4. DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN**

Mengikut taburan data yang dikumpul daripada lima universiti yang terlibat didapati bahawa secara keseluruhannya peratus responden (pensyarah) yang tertinggi datang dari Universiti Sains Islam Malaysia dengan 24.3 peratus. Kemudian diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia 21.6 peratus. Pensyarah dari Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia iaitu sebanyak 18.9 peratus serta Universiti Putera Malaysia sebanyak 16.2 peratus. Manakala pembahagian dari segi jantina pula didapati sebanyak 56.8 peratus adalah lelaki dan selebihnya iaitu 43.2 peratus adalah perempuan.

Dari segi umur pula, 13.5 peratus responden terdiri daripada mereka yang berumur 25 hingga 30 tahun. Terdapat 56.8 peratus pula terdiri daripada mereka yang berumur 31 hingga 35 tahun. Sebanyak 29.7 peratus pensyarah umurnya 36 tahun ke atas. Mengenai pengalaman mereka dalam mengajar bahasa Arab pula, peratusan tertinggi adalah sebanyak 59.6 peratus iaitu mereka berpengalaman dalam mengajar bahasa Arab selama 9 hingga 11 tahun. Sebanyak 24.3 peratus yang berpengalaman mengajar selama 6 hingga 8 tahun.

Pensyarah yang paling sedikit iaitu sebanyak 10.4 peratus merupakan mereka yang mengajar bahasa Arab 3 hingga 5 tahun dan 5.2 peratus pula mereka yang mengajar kurang dari 2 tahun. Dalam segi bahasa pertuturan responden di rumah, didapati sebanyak 43.2 peratus mereka berhubung dengan menggunakan bahasa Arab. Manakala 27 peratus menggunakan bahasa campuran antara Arab dan Melayu. Sebanyak 16.2 peratus menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Terdapat 8.1 peratus pensyarah menggunakan bahasa campuran Arab, Melayu dan Inggeris serta 2.7 peratus menggunakan lain-lain bahasa di rumah.

Ditinjau dari penggunaan bahasa pertuturan di universiti pula, sebanyak 45.9 peratus yang menggunakan bahasa Melayu. Seramai 18.9 peratus menggunakan bahasa campuran Melayu, Inggeris, Arab dan Jawa. Selebihnya, pensyarah berbahasa campuran Arab, Inggeris, Melayu peratus yang menggunakan bahasa Arab di universiti. Mengenai latar belakang keluarga pula, sebanyak 70.3 peratus dari kalangan keluarga yang bukan berpendidikan Arab. Selebihnya iaitu sebanyak 29.7 peratus para responden datang daripada kalangan keluarga yang mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab.

Dalam kajian ini nilai jawapan pensyarah diberi dalam bentuk peratusan. Nilai tersebut memberikan indikator bahawa semakin tinggi peratusan yang diberi, menunjukkan semakin positif jawapan sukatan pelajaran tersebut. Manakala jika peratusan yang kurang dari 50 peratus akan menunjukkan jawapan pensyarah yang semakin negatif. Aras perbezaan dan kayu ukur antara keduanya adalah 50.

Dalam pada itu, mengikut taburan data yang dikumpul daripada lima universiti yang terlibat juga didapati bahawa secara keseluruhannya peratus responden (pelajar) yang tertinggi datang dari USIM dengan 38 peratus. Kemudian diikuti oleh UKM 24 peratus, UPM 17.3 peratus dan UIA serta UM masing-masing sebanyak 10 peratus. Manakala pembahagian dari segi jantina pula didapati sebanyak 75.7 peratus adalah perempuan dan selebihnya iaitu 24.3 peratus adalah lelaki. Dari segi umur pula, 83.8 peratus responden terdiri daripada mereka yang berumur 22 hingga 24 tahun. Seramai 14.7 peratus pula terdiri daripada mereka yang berumur 25 tahun ke atas.

Mengenai pengalaman mereka dalam mempelajari bahasa Arab pula, peratusan tertinggi adalah sebanyak 39.3 peratus iaitu mereka berpengalaman dalam mempelajari bahasa Arab selama 9 hingga 11 tahun. Peratus yang paling sedikit ialah sebanyak 0.7 peratus iaitu mereka mempelajari bahasa Arab kurang dari 2 tahun. Mengikut segi bahasa pertuturan para responden di rumah pula didapati sebanyak 96.7 peratus mereka berhubung dengan menggunakan bahasa Melayu. Manakala sebanyak 1.4 peratus sahaja yang menggunakan bahasa Arab di rumah.

Penggunaan bahasa pertuturan di universiti pula, sebanyak 84.7 peratus yang menggunakan bahasa Melayu. Seramai 1.3 peratus yang menggunakan bahasa Arab di universiti. Mengenai latar belakang keluarga pula, sebanyak 75.3 peratus dari kalangan hadir dari kalangan keluarga yang bukan berpendidikan Arab. Responden selebihnya iaitu

sebanyak 23.3 peratus merupakan responden yang berasal daripada kalangan keluarga yang mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab.

### **Perbezaan Pandangan Pensyarah dan Pelajar dari Aspek Faktor Luaran (Kaedah Pengajaran Kurikulum Bahasa Arab)**

Untuk melihat perbezaan pandangan pensyarah dan pelajar dari aspek faktor luaran (kaedah pengajaran kurikulum bahasa Arab) dapat dilihat dalam Jadual berikut.

Jadual 1 : Ujian t-berpasangan perbezaan pandangan pensyarah dan pelajar dari aspek faktor luaran (kaedah pengajaran kurikulum bahasa Arab)

No.	Pernyataan	PELAJAR		PENSYARAH		Nilai t	Nilai Signifikan
		Purata Peratus (%)	Sisihan piawai	Purata Peratus (%)	Sisihan piawai		
c1	Tenaga pengajar amat berpengetahuan dengan setiap subjek yang diajar.	78.95	19.11	74.54	25.47	0.304	0.763
c2	Semua kemahiran berbahasa ditekankan sama semasa subjek yang diajar.	74.17	17.81	69.18	21.36	-0.079	0.937
c3	Kaedah pengajaran yang digunakan membantu pelajar dalam memahami subjek.	72.98	17.64	70.54	20.94	-0.831	0.412
c4	Tenaga pengajar turut menggunakan alat bantu mengajar semasa sesi pengajaran.	73.22	18.19	71.21	18.53	-0.482	0.633
c5	Tenaga pengajar menggunakan kaedah pengajaran yang sama semasa mengajar.	70.34	18.31	69.32	20.24	-0.317	0.753

c6	Tenaga pengajar menggalakkan penyertaan pelajar dalam perbincangan semasa sesi pembelajaran.	74.71	18.51	74.56	17.37	-0.901	0.374
c7	Tenaga pengajar menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa mengajar.	69.06	19.48	77.13	19.91	-1.270	0.212
c8	Tenaga pengajar akan membantu pelajar di dalam atau di luar bilik darjah (masa konsultasi) sekiranya terdapat pelajaran yang tidak difahami.	77.93	17.78	79.24	17.20	-0.598	0.554
c9	Kaedah pengajaran yang digunakan menyebabkan pelajar aktif (utk. bertanya dll.) di dalam bilik darjah, menarik dan kreatif.	69.38	19.80	73.37	21.41	-1.650	0.108
c10	Tenaga pengajar menggunakan sepenuh masa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.	72.77	17.9	76.62	16.24	-2.006	0.052
c11	Tenaga pengajar mengikut silibus yang disediakan sepenuhnya dengan berkesan.	74.91	16.79	78.64	17.50	-1.831	0.075
c12	Percakapan dan penyampaian kandungan kurikulum adalah jelas.	72.29	18.47	76.62	21.05	-2.696	0.011
c13	Kaedah pengajaran yang digunakan meningkatkan minat	71.34	18.02	76.75	17.72	-2.254	0.030

	terhadap program.						
c14	Contoh dan ilustrasi yang digunakan membantu proses pembelajaran	70.33	17.80	72.16	20.12	-0.536	0.595
c15	Tenaga pengajar telah membuat persediaan yang secukupnya sebelum memasuki kelas.	75.53	17.35	77.16	16.60	-1.640	0.110
c16	Pelajar didedahkan kepada perkembangan bahasa semasa dan terkini.	74.39	16.95	72.29	22.09	0.171	0.865
c17	Kaedah pengajaran kurikulum yang digunakan bersesuaian dengan kandungan dan objektif kurikulum yang hendak dicapai.	71.02	17.41	77.70	15.52	-2.377	0.023
c18	Kaedah pengajaran yang digunakan membantu saya memahami kandungan kurikulum yang diajar.	71.16	18.26	74.32	19.72	-1.324	0.194
Purata Keseluruhan		69.84	13.60	74.54	16.02	-1.370	0.179

Nota: Nilai jawapan pelajar/pensyarah diberi dalam bentuk peratusan (semakin tinggi peratus yang diberi menunjukkan semakin positif jawapan kaedah pengajaran tersebut)

#### **a. Huraian mengikut perspektif pelajar**

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa semakin tinggi min peratusan jawapan diperoleh (Kaedah Pengajaran Kurikulum mengikut pandangan pelajar), maka semakin tinggi kesempurnaan kaedah pembelajaran bahasa Arab di sisi para pelajar tercapai. Ia juga adalah menyeluruh dan menepati dengan apa yang disarankan di dalam kaedah pengajaran kurikulum. Nilai min peratusan dalam sukatan kurikulum yang dicapai secara keseluruhannya adalah sebanyak purata 69.84 peratus. Kajian menunjukkan min peratusan tertinggi diperoleh daripada kenyataan bahawa Tenaga pengajar amat berpengetahuan dengan setiap subjek yang diajar (min = 78.95). Mereka juga berpendapat bahawa tenaga pengajar akan membantu pelajar di dalam atau di luar bilik darjah (masa konsultasi) sekiranya terdapat pelajaran yang tidak difahami (min = 77.93). Tenaga pengajar telah membuat persediaan yang secukupnya sebelum memasuki kelas (min = 75.53).



Manakala min peratusan yang paling sedikit diperoleh daripada kenyataan bahawa tenaga pengajar menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa mengajar (min = 69.06). Ini diikuti pula dengan kenyataan bahawa kaedah pengajaran yang digunakan menyebabkan pelajar aktif (untuk bertanya dan sebagainya) di dalam bilik darjah, menarik dan kreatif (min = 69.38). Mereka juga menyatakan bahawa penggunaan contoh dan ilustrasi membantu proses pembelajaran (min = 70.33). Walaupun demikian, dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhan kaedah pengajaran kurikulum dalam pembelajaran pelajar ketika mempelajari bahasa Arab ini adalah positif. Ini memandangkan ia melebihi daripada 50 peratus (diambil sebagai tanda aras pertengahan).

#### **b. Huraian mengikut perspektif pensyarah**

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa semakin tinggi min peratusan jawapan diperoleh (Kaedah Pengajaran Kurikulum mengikut pandangan pensyarah), maka semakin tinggi kesempurnaan matlamat pembelajaran bahasa Arab kepada para pelajar tercapai. Ia juga adalah menyeluruh dan menepati dengan apa yang disarankan di dalam kaedah pengajaran kurikulum. Nilai min peratusan dalam sukatan kurikulum yang dicapai secara keseluruhannya adalah sebanyak purata 74.54 peratus. Kajian menunjukkan peratus tertinggi diperoleh daripada kenyataan bahawa tenaga pengajar sentiasa akan membantu pelajar di dalam atau di luar bilik darjah (masa konsultasi) sekiranya terdapat pelajaran yang tidak difahami (min = 79.24), tenaga pengajar mengikut silibus yang disediakan sepenuhnya dengan berkesan (min = 78.64) dan kaedah pengajaran kurikulum yang digunakan bersesuaian dengan kandungan dan objektif kurikulum yang hendak dicapai (min = 77.70).

Manakala min peratusan yang paling sedikit diperoleh daripada kenyataan bahawa semua kemahiran berbahasa ditekankan sama semasa subjek yang diajar (min = 69.18). Ini diikuti pula dengan kenyataan bahawa tenaga pengajar menggunakan kaedah pengajaran yang sama semasa mengajar (min = 69.32) dan kaedah pengajaran yang digunakan membantu pelajar dalam memahami subjek (min = 70.54). Walaupun demikian, dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhan kaedah pengajaran kurikulum dalam pembelajaran pelajar ketika mempelajari bahasa Arab mengikut pandangan pensyarah adalah positif. Ini memandangkan ia melebihi daripada 50 peratus yang diambil sebagai tanda aras pertengahan.

#### **c. Keterangan**

Terdapat perbezaan signifikan ( $t=-2.254$ ,  $p=0.030$ ) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari segi faktor luaran (kaedah pengajaran kurikulum) iaitu kaedah pengajaran yang digunakan meningkatkan minat pelajar terhadap program. Melihat kepada nilai min peratusan antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pensyarah lebih bersetuju (min =76.756) dan percaya bahawa kaedah pengajaran yang digunakan meningkatkan minat pelajar terhadap program berbanding dengan pandangan pelajar mereka sendiri (min =71.34).

Terdapat perbezaan signifikan ( $t=-2.377$ ,  $p=0.023$ ) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari segi faktor luaran (kaedah pengajaran kurikulum) iaitu kaedah pengajaran kurikulum yang digunakan bersesuaian dengan kandungan dan objektif kurikulum yang hendak dicapai. Melihat kepada nilai min peratus antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pensyarah lebih bersetuju (min=77.70) dan percaya bahawa kaedah pengajaran kurikulum yang digunakan bersesuaian dengan kandungan dan objektif kurikulum yang hendak dicapai berbanding dengan pandangan pelajar mereka sendiri (min =71.02).

## 5. PENUTUP

Sebagai penutupnya dinyatakan bahawa tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat pengaruh kaedah pengajaran dalam PSMBA di 5 IPTA di Malaysia yang menawarkan program tersebut, mengikut pandangan sisi para pensyarah serta pandangan para pelajar.

Jelas sekali sekiranya kaedah pengajaran yang dilaksanakan yang menepati dengan objektif pembelajaran serta sukatananya akan memberi kesan dan sumbangan yang besar terhadap kemajuan dan kejayaan para pelajar dalam membantu kefahaman mereka dalam bidang pembelajaran. Para pensyarah yang menggunakan kaedah pengajaran yang baik dan terancang serta mempunyai keazaman yang kuat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dalam bidang pengajaran, pasti akan mencapai sesuatu yang diusahainya iaitu kecemerlangan anak didik mereka dalam pelajaran.

Walaupun terdapat kelemahan yang dikesan dalam kaedah pengajaran ini, tidak dapat dinafikan bahawa kaedah pengajaran yang digunakan oleh para pensyarah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap peningkatan mutu kefahaman para pelajar. Demi melestarikan mutu pembelajaran, tidak dapat tidak perlukan kerjasama antara para pensyarah dan para pelajar untuk berganding bahu untuk bersama berusaha meningkatkan mutu penguasaan bahasa Arab yang sedang mereka pelajari.

Kaedah pengajaran pada masa kini tidak lagi boleh berorientasikan kepada pada guru semata-mata bahkan memerlukan gandingan keterlibatan sama para pelajar semasa proses p&P berjalan. Penglibatan aktif para pelajar amat digalakkan supaya proses tersebut berlaku dengan lebih berkesan. Disamping itu juga, para pensyarah di universiti perlu juga mempelbagaikan kaedah pengajaran termasuklah menggunakan kaedah-kaedah terbaru seperti pengajaran berasaskan pengkajian atau pengajaran berasaskan penyelesaian masalah. Kaedah-kaedah terbaru ini dilihat dapat menggalakkan para pelajar berfikir secara aktif dan kreatif di dalam bilik darjah.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Mohamed. 2009. Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1). 1-14. UKM.
- Ahmad Atory Hussain. 2002. *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Crow, L.D. & Crow, A. 1983. *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan (terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husaini, Muhd Harun. 2007. *Tahlil Kutub Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiah Bil Muassasat At-Ta'limiah Al-'Ulya Al-Khassah*. Tesis Dr Fal, Universiti Malaya.
- Ismail Suardi Wekke. 2008. Amalan pendidikan bahasa Arab berasaskan kepelbagaian budaya di pesantren Sulawesi Selatan, Indonesia. Tesis Dr Fal. UKM.
- Jaseem, Ali Jaseem. 1992. *Fi Turuqta'lim Al-Arabiah Li Ghai An-Natiqinbiha*. Kuala Lumpur
- Rahimi, Nik Mohd. 2005. Penilaian kemahiran mendengar dalam kurikulum bahasa Arab komunikasi di Sekolah-sekolah Agama kerajaan negeri. Tesis Dr Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rozmi Ismail. 2011. *Psikologi Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fatimah & Ab. Halim. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2) 2010 53 – 64.